

08 JUN 1997

Alcatel-MSK

ALCATEL TELECOM KEMBANGKAN AKTIVITI DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Alcatel Telecom akan menyusun kedudukan serta memperluaskan perkongsian dan aktivitinya di Malaysia bagi merebut peluang yang ditawarkan oleh Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Kerana skop dan perspektif MSC, kami kini sedang menimbang semula perkongsian global kami di Malaysia agar kami dapat memenuhi cabaran yang diwujudkan oleh usaha fantastik ini," kata Pengurus Besar anak syarikat Alcatel Perancis Gerard Dega dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Alcatel Telecom di Paris hari ini. Dega berkunjung ke Malaysia baru-baru ini.

Beliau berkata pembangunan MSC secara berkesan boleh bergantung kepada kepakaran dan teknologi telekomunikasi Alcatel dan syarikat itu bersedia untuk terlibat dalam pembinaan infrastruktur canggih MSC di samping membangunkan aktiviti R&D dalam multimedia.

Kini Alcatel Telecom mengendalikan sebuah pusat pembangunan perisian dalam syarikat usaha samanya di Pulau Pinang di mana beberapa orang jurutera Malaysia sedang mengendalikan program-program korporat seperti infrastruktur ATM atau rangkaian pengurusan broadband.

Infrastruktur tersebut dihubungkan dengan pusat-pusat pembangunan perisian Alcatel Telecom di Eropah dan Amerika Syarikat menerusi sirkit satelit kelajuan tinggi.

Dega berkata Alcatel memutuskan untuk menubuhkan pusat sokongan dan kecekapan di Cyberjaya di sini yang menyediakan perkhidmatan kepada semua rangkaian multimedia di Asia.

Pusat itu akan ditempatkan di ibu pejabat Alcatel Telecom di Malaysia di bandar Cyberjaya.

Alcatel, yang merupakan antara 41 syarikat pengasas MSC, diberi status MSC oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) semasa upacara pecah tanah bandar Cyberjaya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 17 Mei lalu.

Alcatel Telecom baru-baru ini menandatangani Memorandum Persafahaman (MoU) dengan Universiti Telekom (Unitele) yang bertanggungjawab menubuhkan Universiti Multimedia di Cyberjaya.

Satu delegasi dari MDC dan Unitele telah melawat pusat penyelidikan Alcatel di Perancis. -- BERNAMA

AFY OBA